



**KOPERASI PEGAWAI PEJABAT PENGARAH  
TANAH DAN GALIAN KUALA LUMPUR BERHAD  
(No. Daftar : W-40857)**

**Aras 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin  
50678 Kuala Lumpur.**

**Peraturan dan Terma Rujukan TABUNG PENDIDIKAN KOPTG.**

**1. NAMA**

Tabung ini dinamakan Tabung Pendidikan Koperasi Pegawai Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kuala Lumpur Berhad yang selepas ini disebutkan sebagai **TABUNG PENDIDIKAN KOPTG.**

**2. TUJUAN**

- i. Memberi bantuan kepada anggota yang mendapat tawaran melanjutkan pelajaran.
- ii. Memberi sumbangan kepada anak-anak anggota yang memperolehi keputusan akademik yang cemerlang.

**3. TAFSIRAN**

Di dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan maknanya maka taksiran berikut adalah digunapakai.

- i. Tabung Pendidikan – tabung yang diwujudkan untuk memberi sumbangan pendidikan kepada anggota koperasi.
- ii. ‘Anggota’ maknanya anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- iii. ‘Suami/isteri’ maknanya suami atau isteri-isteri anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang.
- iv. ‘ALK’ maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini.
- v. ‘Keluarga anggota’ termasuklah:-
  - a. isteri atau isteri-isteri,
  - b. Suami,
  - c. anak-anak yang di bawah tanggungan.
  - d. Anak angkat yang sah di sisi undang-undang dan juga anak-anak tiri.

e. Ibu bapa kandung serta ibu bapa mertua.

#### **4. KEWANGAN**

Sumber kewangan diperolehi dari dana **TABUNG PENDIDIKAN KOPTG** bagi aktiviti Pendidikan. Wang yang dikeluarkan bagi tujuan:-

- i. Sumbangan melanjutkan pelajaran anggota.
- ii. Sumbangan pendidikan anggota dan anak-anak anggota yang memperolehi keputusan cemerlang.

#### **5. PENTADBIRAN**

Tabung ini akan ditadbir urus oleh Anggota Lembaga KOPTG (ALK).

#### **6. REKOD-REKOD**

- i. Rekod daftar keanggotaan.
- ii. Salinan sijil/transkrip keputusan peperiksaan dan surat tawaran penyambung pengajian.
- iii. Setiausaha dan Bendahari KOPTG hendaklah menyelenggarakan segala surat menyurat berkenaan tabung ini berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada anggota.

#### **7. PENAMA**

Terdiri dari isteri, suami, ibubapa atau anggota waris terdekat yang sah dari sisi undang-undang.

#### **8. KELAYAKAN MENDAPAT SUMBANGAN**

- i. Faedah-faedah dibawah peraturan ini tidak boleh dibayar kecuali anggota itu telah menjadi anggota berdaftar KOPTG yang sah dengan tidak putus-putus sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan.
- ii. Sumbangan Kecemerlangan Pelajaran untuk anak-anak anggota dibahagikan kepada kategori berikut:
  - UPSR - 6A - sumbangan sebanyak RM300.00
  - PT3 - 10A - sumbangan sebanyak RM500.00
  - SPM - 10A - sumbangan sebanyak RM800.00
  - SPM - 9A - sumbangan sebanyak RM700.00

- SPM - 8A - sumbangan sebanyak RM600.00
  - SPM - 7A - sumbangan sebanyak RM500.00
  - STAM - Mumtaz - sumbangan sebanyak RM800.00
  - STAM - Jayyid Jiddan - sumbangan sebanyak RM700.00
  - STPM - 4A atau PNGK (CGPA) 4.0 - sumbangan sebanyak RM900.00
  - STPM - 3A atau PNGK(CGPA) 3.5 - sumbangan sebanyak RM800.00
- iii. Sumbangan Kecemerlangan Pelajaran untuk anggota peringkat Dip/Ijazah/Master/Phd dibahagikan kepada kategori berikut:
- PNGK (CGPA) 4.0 - sumbangan RM1,000.00
  - PNGK (CGPA) 3.75 - sumbangan RM800.00
- iv. Sumbangan kepada anggota yang melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma/Ijazah/Master ialah sebanyak RM1,000.00.
- v. Sumbangan kepada anggota yang melanjutkan pelajaran di peringkat Phd ialah sebanyak RM2,000.00.
- vi. Semua sumbangan pendidikan yang melibatkan pindaan terbaru ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

## **9. TUNTUTAN**

- i. Semua tuntutan hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Tabung Pendidikan dengan mengemukakan salinan dokumen yang disahkan dihantar terus kepada Pengerusi Biro Kebajikan.
- ii. Semua tuntutan akan diurus oleh KOPTG dalam tempoh tidak melebihi 14 hari daripada tarikh penerimaan Borang Tuntutan.
- iii. Semua tuntutan yang melangkaui tahun semasa tidak akan dipertimbangkan.

## **10. AUDIT**

Kira-kira tabung ini hendaklah diaudit dengan cara yang sama mengikut kehendak peraturan-peraturan KOPTG.

## **11. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM PERATURAN**

Keputusan Anggota Lembaga KOPTG adalah muktamad mengenai perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini melainkan jika dibatalkan oleh Mesyuarat Agung KOPTG.